

Lima pingat nampaknya pasti milik Singapura

- 6 MAR 1990

3

BANDAR SERI BEGAWAN — Pasukan silat Singapura hanya mengetahui tentang adanya acara silat seni yang menyediakan tiga pingat emas setelah berada di Lapangan Antarabangsa Changi pada 2 Mac lepas.

Kerana itu, mereka terpaksa membentuk pasukan untuk acara silat seni daripada para pesilat yang akan bertarung dalam silat olahraga.

Perkara ini telah diberitahu oleh jurulatih pasukan Singapura, Iskandar Muda Abdul Jalil Rais, petang semalam.

"Kami hanya diberitahu tentang adanya acara silat seni oleh seorang pegawai Singapura pada hari keberangkatan ke sini," kata Iskandar.

Menurutnya, acara ini menyediakan tiga butir pingat emas, maka beliau terpaksa membentuk tiga pasukan untuk menyertai acara ini yang terbahagi kepada tiga bahagian — bunga kelompok, senjata dan tangan kosong.

Setahunya, kata jurulatih itu, Thailand mungkin tidak akan mengambil bahagian

dan Indonesia belum dapat memastikan kedudukannya.

Katanya: "Jika itu berlaku, maka persaingan untuk merebut tiga pingat emas itu akan tertumpu kepada Singapura, Malaysia dan dua pasukan daripada negara tuan rumah."

Membentuk pasukan Singapura dalam acara bunga kelompok ialah Norazman Hussin, Abdul Razak Osman, Effendi Ani dan Rosli Osman, sementara dalam bahagian senjata ialah Effendi Ani dan Rosli Osman, manakala untuk bahagian tangan kosong ialah Muhammad Hairul Osman, Abdul Malek Mohamed Taib.

Sementara itu, Singapura telah memastikan akan memperolehi lima pingat kerana para pesertanya itu telah mendapat 'bye' dalam kelas masing-masing.

Mereka ialah Effendi Ani, Hairul Osman dan tiga peserta wanita, Kartinah Ahmad, Rita Samad dan Rafeah Mohamed Noor.

Acara silat bermula malam tadi, tetapi semua pertandingan akhir akan diadakan pada 9 Mac ini.

LIMA KECUNDANG

Hanya tiga pesilat ke separuh akhir

B. Harlan (M)

- 7 MAR 1990

TIGA pesilat negara mara ke separuh akhir pada Pesta Sukan Merdeka Brunei, manakala lima lagi kecundang pada pertarungan malam tadi.

Mohd Khairi Abdul Rahman mengambil kesempatan di celah-celah kepenatan lawan pada pusingan ketiga bagi melepaskan tendangan dan tumbukan keras.

Kemenangan itu membangkitkan semangat pesilat negara, apabila Wan Adnan Isa mengambil giliran memamer permainan menarik yang mendapat sokongan kira-kira 1,000 penonton di Gelanggang Pusat Belia.

Wan Adnan begitu perkasa dengan melepaskan tendangan kiri dan kanan yang menyebabkan Azmi Mahmud dari Brunei terjatuh beberapa kali.

Pesilat dari Kelantan itu akan berhadapan dengan Mohd Hairul Othman dari Singapura hari ini bagi memastikan tempat ke pertarungan akhir Kelas E.

Rohana Manaf membawa cabaran

negara, setelah menyingkirkan Hajjah Roslina Yahya dari Brunei.

Sebelum itu, Sharuddin Kamaruddin (A), Mohd Din Abdul Manaf (D), Hadi Hassan (G), Masliza Abu Bakar (B) dan Nazrah Latif (A) kecundang di perlawanan pertama, masing-masing.

Hadi yang disifatkan sebagai bakal pengganti Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, ternyata bukan jaguh sebenar kerana terlalu mengikut perasaan ketika berhadapan dengan Prapas Poon-sabud dari Thailand.

Kewibawaan Hadi sebagai pesilat terbukti tidak lengkap kerana kakinya kaku untuk membuat tendangan bagi mengutip mata.

Malaysia sepatutnya mampu berkuasa di Brunei kali ini kerana Indonesia cuma mengirimi pemenang ketiga, sebaliknya Thailand mengambil alih kuasa silat terbaru, apabila lapan pesilatnya mara ke separuh akhir, tanpa mengalami sebarang kekalahan.



■ WAN ADNAN ISA...menunjukkan persembahan menarik untuk mengalahkannya pesilat Singapura, Mohd Hairul Othman dalam Kelas E.